



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Penerapan Tarbiyyah Quraniyyah dari Aspek Kepimpinan Melalui Teladan Kisah Zulkarnain dalam Konsep Malaysia Madani

(Application of Tarbiyyah Quraniyyah in Leadership: Lessons from the Story of Zulkarnain in the Concept of Malaysia Madani)

Amiratul Munirah Yahaya¹, Siti Sarah Izham^{1*}, Mohd Asmadi Yakob¹,
Shofiyah Moidin¹

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Disember 2024

Keywords:

Iskandar Zulkarnain
leadership
malaysia madani
quranic education

Katakunci:

Iskandar Zulkarnain
kepimpinan
malaysia madani
tarbiyyah quraniyyah

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.7>

ABSTRACT

Tarbiyyah Quraniyyah is a fundamental component in the process of educating and developing the human spirit so that one's entire existence becomes more meaningful under Divine guidance. The story of Iskandar Zulkarnain in the Quran, particularly in surah al-Kahfi, exemplifies leadership qualities in governance: a leader who is obedient, wise, and efficient in managing a country. The essence of his lessons can be applied and realised in the context of Malaysia Madani, a vision aimed at transforming Malaysia into a sustainable, successful, and innovative nation rooted in mutual respect and kindness. The keyword Madani refers to the trust between the government and the people, built on transparency and cooperation. Leaders and citizens are the two pillars essential for achieving Malaysia Madani's goals. This qualitative study employed data collection methods through library research, involving both primary and secondary data. The data analysis techniques used were content analysis, as well as inductive and deductive approaches. As a result, this study evaluates *tarbiyyah Quraniyyah* through the lens of leadership, as revealed in the lessons from the account of Zulkarnain. It further explores the key ideals of Malaysia Madani that promote national harmony. The study found that integrating Zulkarnain's story into Malaysia Madani can inspire leaders to embody Quranic values such as well-being, kindness, creativity, and confidence. The significance of this study lies in its role as a guide for leaders to emulate Zulkarnain's exemplary leadership in developing *baladatum tayyibatun* (a

^{1*} Corresponding author. E-mail address: sarahizham@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.7>

prosperous and virtuous nation) and successfully realising the vision and goals of Malaysia Madani.

ABSTRAK

Tarbiyyah Quraniyyah merupakan elemen asas dalam proses mendidik dan membangunkan jiwa manusia agar keseluruhan kehidupannya menjadi lebih bermakna berpandukan petunjuk Ilahi. Aspek kepimpinan dalam sesebuah negara, yang merangkumi pemimpin yang taat, bijaksana, dan cekap dalam menguruskan negara, dapat diteladani melalui kisah Iskandar Zulkarnain seperti yang dirakamkan dalam ayat-ayat al-Quran, khususnya Surah Al-Kahfi. Intisari pengajaran daripada kisah ini boleh diterapkan dan direalisasikan dalam konteks Malaysia Madani, iaitu suatu matlamat yang diperkenalkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati, serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain. Madani, sebagai kata kunci, merujuk kepada kepercayaan antara kerajaan dan rakyat yang berasaskan ketelusan dan kerjasama. Pemimpin dan rakyat merupakan dua tonggak utama dalam mencapai matlamat Malaysia Madani. Justeru, kajian ini akan meneliti *tarbiyyah Quraniyyah* dari aspek kepimpinan melalui *ibrah* daripada kisah Zulkarnain. Kajian ini juga menganalisis nilai-nilai teras dalam konsep Malaysia Madani yang mendorong kepada keharmonian negara. Kajian ini berbentuk kualitatif, menggunakan metode pengumpulan data daripada kajian perpustakaan melibatkan sumber primer dan sekunder. Analisis data pula dilakukan secara induktif, deduktif, dan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa *tarbiyyah Quraniyyah* dari aspek kepimpinan melalui teladan kisah Zulkarnain dalam konteks Malaysia Madani mampu menerapkan nilai-nilai al-Quran yang disesuaikan dengan empat nilai teras, iaitu kesejahteraan, ihsan, daya cipta, dan keyakinan. Kepentingan kajian ini adalah sebagai panduan kepada para pemimpin agar mereka memastikan kepimpinan mereka mencontohi kepimpinan Zulkarnain. Dengan itu, matlamat membentuk *baladun tayyibatun* serta mencapai visi dan misi Malaysia Madani dapat direalisasikan dengan jayanya.

PENDAHULUAN

Islam adalah suatu sistem yang sempurna, merangkumi segala aspek kehidupan manusia, termasuk sistem pemerintahan dan pentadbiran, ekonomi, serta kemasyarakatan (Sa'id Hawwa, 2010). Secara umum, *tarbiyyah Quraniyyah* merujuk kepada nilai-nilai pengajaran yang berasaskan intisari ayat-ayat al-Quran, dengan tujuan mendidik manusia agar mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Penekanan diberikan pada aspek kepimpinan, khususnya dalam menerajui pemerintahan sesebuah negara, seperti yang dapat diteladani daripada kisah Iskandar Zulkarnain dalam Surah Al-Kahfi. Aspek ini merupakan perkara asas yang perlu diterapkan agar wujud pembangunan yang seimbang antara dunia dan akhirat. Perkataan *tarbiyyah* berasal daripada bahasa Arab iaitu *al-rabb*, yang bermakna mendidik. Pendidikan merupakan proses perkembangan dan pertumbuhan yang terhasil daripada tindakan mendidik, mengelola, dan melestarikan nilai-nilai (Ridwan, 2018). Menurut Tafsir Al-Maraghi, *al-rabb* bermaksud menjaga dan memelihara. Ia merujuk kepada pemeliharaan Allah terhadap umat manusia sejak di peringkat bayi hingga usia tua, termasuk pemeliharaan iman dan akhlak seseorang melalui bimbingan wahyu al-Quran dan ajaran para nabi (Aldila & Candra, 2023).

Elemen *tarbiyyah* merangkumi proses pengembangan tahap demi tahap menuju kesempurnaan kejadian dan fungsi manusia. Ia melibatkan pendidikan jasmani, emosi, akal, akhlak, serta aspek seni yang berunsurkan keindahan dan nilai-nilai kemasyarakatan. Justeru, elemen pendidikan al-Quran (*tarbiyyah Quraniyyah*) dalam aspek kepimpinan amat penting untuk diterapkan dan diberi penekanan kepada para pemimpin dan masyarakat di Malaysia. Penerapan ini bertujuan agar mereka dapat memahami intisari ayat-ayat al-Quran serta nilai-nilai pengajaran murni yang berteraskan petunjuk-petunjuk Ilahi, khususnya melalui teladan kisah Iskandar Zulkarnain dalam Surah Al-Kahfi. Penghayatan terhadap al-Quran juga boleh diaplikasikan melalui kaedah *tadabbur* al-Quran untuk menyuburkan pembudayaan ilmu dalam kalangan pemimpin dan masyarakat. *Tadabbur* al-Quran merujuk kepada usaha untuk memahami ayat-ayat al-Quran, merenung hikmah yang terkandung, memikirkan secara mendalam, memerhatikan dan meneliti ayat-ayat tersebut dengan mata hati, serta menghayati makna tersirat dan keperluannya berdasarkan pentafsiran yang sah.

Natijah dari penghayatan al-Quran memberi kesan mendalam kepada hati, sehingga melahirkan jiwa mukmin yang bertakwa. Jiwa ini bukan sahaja mendekatkan diri kepada Penciptanya tetapi juga memahami tuntutan melalui kefahaman yang benar terhadap petunjuk-petunjuk al-Quran dan mengamalkannya dalam aspek kehidupan. Pemimpin dan masyarakat yang sentiasa berinteraksi dengan al-Quran akan dikurniakan hati yang bersih, dipandu oleh hidayah dan bimbingan Ilahi (Mat Sin, 2014). Dalam konteks kepimpinan bernegara, pemimpin sering berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya dalam kepimpinan berorganisasi. Cabaran ini merangkumi isu-isu berkaitan integriti, ketelusan, amanah, tanggungjawab, dan kecakapan dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran serta pengurusan konflik (Alif Yahya, 2020).

Justeru, pengajaran kisah al-Quran melalui teladan Zulkarnain dalam surah al-Kahfi dipilih agar dapat dicontohi nilai-nilai keseimbangan dalam kepimpinan. Nilai ini merangkumi sifat tegas dan belas kasihan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin yang beriman. Kisah ini juga menjadi inspirasi kepada masyarakat untuk memiliki pemikiran yang matang, bersikap lebih terbuka berlandaskan ilmu pengetahuan, dan bertindak aktif terhadap perubahan yang positif. Dalam mendepani kepimpinan Malaysia Madani yang lebih proaktif dan progresif, kata kunci Madani merujuk kepada kepercayaan antara kerajaan dan rakyat yang dibina atas dasar ketelusan dan kerjasama. Dua tonggak utama dalam mencapai kejayaan Malaysia Madani ialah pemimpin dan rakyat.

KAJIAN LITERATUR

Tarbiyyah Quraniyyah

Istilah *tarbiyyah*, *ta'lim* dan *ta'dib* sinonim dengan maksud *tazkiyah*. Ia merujuk kepada suatu proses mengadaptasi komitmen intelektual dalam potensi diri untuk membina kekuatan rohani yang seimbang dengan emosi yang matang dan rasional. Pendidikan yang sebenar ialah proses mempelajari dan mengambil pengajaran berpandukan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam al-Quran dan Hadith (Aldila & Candra, 2023). Proses memberi kefahaman melalui penerapan ilmu pengetahuan, tanggungjawab, dan amanah perlu berjalan seiring dalam kepimpinan. Selain itu, pemurnian jiwa pemimpin dan masyarakat yang dipimpin berupaya menghalang segala keburukan dan menemukan hikmah dalam setiap situasi yang berlaku. Pada dasarnya, *tarbiyyah quraniyyah* yang diterapkan dalam aspek kepimpinan harus mampu menggerakkan kehidupan ke arah yang lebih baik (Ahmad Syukri et al., 2023).

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, seorang pemimpin yang beradab harus memiliki keilmuan yang tinggi dengan menempatkan dirinya sebagai hamba yang patuh kepada perintah-Nya serta sebagai khalifah yang diamanahkan untuk membawa kemakmuran ke seluruh alam. Zulkarnain dikurniakan oleh Allah SWT dengan keperibadian akhlak yang mulia dan keadilan dalam kepimpinannya. Beliau tidak gemar peperangan dan menggunakan pendekatan yang bijaksana dalam menyebarkan ajaran Islam serta membanteras kekufuran di negara-negara yang dilawatinya (Nor Asma & Muhd, 2016). Antara ciri-ciri

pemimpin yang adil dan perlu dicontohi ialah mendampingi golongan ulama' yang benar-benar berada di atas landasan syariah serta memiliki kejujuran dalam memberi nasihat, sebagaimana digambarkan oleh Hasan al-Basri. Selain itu, seorang pemimpin yang adil juga menjaga kebajikan rakyat, melaksanakan tuntutan dakwah, tidak bermewah-mewah, dan menghindari perlumbaan untuk merebut jawatan atau menonjolkan kebaikan diri. Pemimpin yang amanah juga tidak membelanjakan harta untuk tujuan mendapatkan jawatan. Tanggungjawab yang dipikul oleh seorang pemimpin merupakan amanah besar serta ujian daripada Allah SWT (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014).

Malaysia Madani

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan 'madani' membawa maksud maju dari segi pemikiran, kerohanian, dan kebendaan (termasuk masyarakat, generasi, dan sebagainya). Madani juga memberi konotasi sebagai usaha untuk membentuk masyarakat dengan menyuntik nilai-nilai murni kekeluargaan serta kurikulum yang terarah kepada pembinaan masyarakat. Antara tokoh yang membahaskan konsep Madani dalam konteks perbincangan ilmu ialah al-Farabi, Ibn Miskawayh, dan Ibn Khaldun. Selain itu, antara pemikir Islam kontemporari yang turut menyumbang kepada perbincangan masyarakat Madani ialah Rashid al-Ghannoushi. Negara Madani yang diilustrasikan oleh al-Ghannoushi adalah berorientasikan *karamah insaniah*, iaitu kemuliaan manusia. Berdasarkan perbincangan para tokoh sarjana Islam mengenai definisi istilah madani, jelas bahawa istilah yang digunakan kini bukanlah satu istilah asing atau baharu diperkenalkan dalam kerajaan Malaysia pada hari ini. Bahkan, istilah ini telahpun diperkenalkan oleh ahli falsafah silam dan dikembangkan oleh sarjana Muslim terdahulu serta pemikir kontemporari pada masa kini. Justeru, pemakaian istilah madani cenderung merujuk kepada pembentukan negara bangsa yang berperadaban, berlandaskan kerangka ajaran Islam (Shuhairimi Abdullah, 2023).

Pada 19 Januari 2023, Perdana Menteri Malaysia kesepuluh, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah melancarkan buku *Membangun Malaysia Madani*. Buku ini menggariskan enam tonggak dasar yang membentuk konsep Malaysia Madani, iaitu:

1. M (keMampanan)
2. A (kesejAhteraan)
3. D (Daya cipta)
4. A (hormAt)
5. N (keyakiNan)
6. I (Ihsan)

Dalam konteks tadbir urus dan nilai, konsep 'Malaysia Madani' mencerminkan pegangan nilai-nilai Islam, seperti yang dibuktikan oleh refleksinya dalam Al-Quran (Aziz & Rusli, 2023). Dasar ini komited untuk memastikan rakyat celik akan masa hadapan serta membangunkan pendekatan yang berupaya mengemudi arah negara dalam zaman pascanormal. Tujuan utama adalah untuk melahirkan masyarakat yang mampan, berintegriti, dan bermaruah, dengan kesedaran tanggungjawab antara satu sama lain sebagai warganegara tanah air tercinta, bergandingan bersedia untuk menghadapi cabaran yang akan datang (Anwar Ibrahim, 2022).

Dasar Rukun Madani

Terdapat 6 dasar rukun Madani yang merangkumi kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

1. Kemampanan

Takrifan kemampanan yang sering disebutkan merujuk kepada usaha untuk membangunkan dasar dan model yang sesuai bagi kelangsungan hidup manusia dan kesejahteraan bumi, dengan tujuan memenuhi keperluan semasa tanpa menggadaikan keperluan serta kebajikan generasi penerus. Biasanya, apabila membahaskan kemampanan, ia dikaitkan dengan alam sekitar, daya tampung, jejak karbon, dan titik kemuncak untuk membentuk masa hadapan yang mampan dan adil. Namun, dalam konteks Malaysia Madani, kemampanan yang diketengahkan merujuk kepada kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dan alam, serta bernuansakan citra Malaysia yang unik. Kemampanan mengandungi konotasi kebersamaan, iaitu usaha untuk meringkaskan kerjasama secara kolektif dan berterusan, merangkumi semua lapisan masyarakat, termasuk yang tinggal di luar bandar dan di kawasan bandar. Kemampanan juga mensyaratkan kesejahteraan dan keseimbangan dengan pengertian saling menghormati dan mengasahi sesama manusia serta alam sekitar, yang terdiri daripada haiwan dan tumbuhan. Justeru itu, kemampanan yang ditakrifkan dalam Malaysia Madani bukan sekadar pemeliharaan alam sekitar, tetapi juga soal memelihara kebajikan haiwan dan mutu kehidupan manusia (Anwar Ibrahim, 2022).

2. Kesejahteraan

Islam sinonim dengan maksud sejahtera, yang merujuk kepada penyerahan diri, pasrah, patuh, dan tunduk kepada Allah SWT. Ia adalah agama yang membawa kemaslahatan bagi pengikutnya, sama ada di dunia mahupun di akhirat (Adenan & Rahman, 2021). Kalimah sejahtera sering kali dikaitkan dengan makna keseimbangan, atau lebih tepat lagi, kehidupan dan segala aspeknya yang terangkum dalam keseimbangan. Kesejahteraan juga mempunyai hubungan yang bersejarah dengan kalimah bahasa Arab, iaitu *al-falah*, yang bermaksud kejayaan dan kebahagiaan yang dirasai hasil daripada pengalaman kerohanian dalam membersihkan jiwa dan mentaati perintah Allah. Mewujudkan kesejahteraan rakyat di bawah Malaysia Madani haruslah mengambil kira sikap yang baik dan mampan. Oleh itu, yang dicari bukan sekadar kesejahteraan di dunia, tetapi keseimbangan antara keperluan fizikal dan rohani. Kesejahteraan yang digalakkan ini juga akan bersifat progresif dan merangkumi seluruh rakyat Malaysia, di mana rakyat mampu mengembangkan potensinya tanpa perlu mengorbankan pihak lain (Anwar Ibrahim, 2022).

3. Daya Cipta

Daya cipta atau inovasi biasanya ditakrifkan sebagai idea baharu, produk baharu, atau proses baharu yang mampu mengubah sesuatu perkara menjadi lebih cekap serta mengungkapkan potensi yang belum pernah diterokai sebelum ini. Daya cipta bukan sekadar perubahan dangkal; ia harus memberikan nilai tambah yang signifikan kepada sesebuah sistem. Dalam konteks Malaysia Madani, daya cipta mencerminkan konsep pembaharuan, reka cipta, dan penciptaan baharu. Reka cipta itu sendiri merupakan teras utama daya cipta. Tindakan ini dapat difahami sebagai usaha mengubah sesuatu secara kreatif. Reka cipta mengandungi dua konsep penting: pertama, ia mempunyai niat yang jelas dan proses untuk mencapainya telah dirancang. Kedua, daya cipta tidak akan berjaya tanpa adanya kreativiti. Daya cipta akan mewujudkan proses perubahan yang berterusan yang menghargai dan memperkasa kreativiti rakyat (Anwar Ibrahim, 2022).

4. Hormat

Hormat seringkali difahami sebagai memberikan hak yang sewajarnya kepada setiap pandangan yang dilontarkan, keinginan yang terbuka, serta dalam soal melunaskan hak orang lain. Takrifan ini berkait rapat dengan penyanjungan, iaitu suatu sikap kasih dan prihatin terhadap orang yang disanjung. Sudut pandang hormat dalam Malaysia Madani merujuk kepada konotasi maruah manusia. Suatu kalimat lain, iaitu adab,

yang berasal daripada bahasa Arab, mengandungi konotasi yang sama seperti budi bahasa, kesopanan, dan ketawadukan, serta dilihat bukan semata-mata sebagai asas kepada tingkah laku, tetapi juga sebagai asas kepada sebuah peradaban (Anwar Ibrahim, 2022).

5. Keyakinan

Keyakinan difahami sebagai kepercayaan ampuh terhadap kemampuan seseorang atau sekumpulan manusia dalam melaksanakan sesuatu tugas. Keyakinan juga merujuk kepada perbuatan menggenggam erat suatu kebenaran atau kebijaksanaan dalam kehidupan. Selain itu, keyakinan juga berkait rapat dengan undang-undang yang merujuk kepada maksud jaminan atau kredibiliti individu dalam soal penjagaan kewangan dan harta benda. Dalam konteks Malaysia Madani, sekian banyak pergolakan yang berlaku pada awal abad kedua puluh satu ini telah melunturkan keyakinan, terutama terhadap kerajaan serta menghakis harapan bahawa kita mampu mengatasi kitaran feudalisme kleptokrasi. Namun, adalah tidak wajar untuk berputus asa terhadap keyakinan yang menjadi prinsip penting buat demokrasi. Keyakinan mempunyai kaitan yang erat dengan amanah, iaitu suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi. Amanah menjadi unsur pokok yang bertanggungjawab menjamin ketenteraman dalam banyak masyarakat sepanjang sejarah serta mengekalkan salah satu rangkaian perdagangan silam dalam sejarah (Anwar Ibrahim, 2022).

6. Ihsan

Ihsan atau *rahmah* ditakrifkan sebagai memelihara dan menyediakan keperluan asas yang diperlukan demi kesejahteraan semua pihak. Ihsan melibatkan proses yang bersifat sementara dan tidak berlanjutan. Kebiasaannya, ia tidak memerlukan hubungan berterusan antara pelaku ihsan dengan penerimanya. Pada hari ini, perbuatan ihsan juga boleh dilakukan secara tidak langsung menerusi kemajuan teknologi seperti kecerdasan buatan. Ihsan juga ditakrifkan sebagai keprihatinan terhadap penderitaan atau keperluan orang lain, yang seterusnya disusuli dengan azam untuk menamatkan penderitaan tersebut. Dalam konteks Malaysia Madani, sebuah negara yang mengamalkan ihsan justeru akan mengangkat takrifan kebiasaan ke peringkat yang jauh lebih baik. Ihsan ini sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan. Mengasihi orang lain, termasuklah keluarga, sahabat handai, jiran tetangga, dan masyarakat secara keseluruhannya, terutama kelompok minoriti, adalah teras kepada sebuah visi Malaysia yang ihsan. Justeru, ihsan yang ingin disuburkan semula dalam negara kita merujuk kepada tanggungjawab sosial yang menyeluruh, bukan semata-mata suatu rasa yang hadir secara sepintas lalu. Malah, perasaan ihsan itu adalah soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, lalu berusaha untuk mencari jalan bagi mengubatnya (Anwar Ibrahim, 2022).

Justeru, penerapan *tarbiyyah Quraniyyah* melalui pengajaran kisah Iskandar Zulkarnain cuba direalisasikan dalam membangunkan Malaysia Madani: Kerangka Dasar Madani yang bertujuan untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan, berdasarkan keyakinan antara pihak kerajaan dan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama. Ia memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah dan memenuhi keperluan semasa negara.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini berbentuk kualitatif. Pengumpulan data kajian menggunakan metod kajian perpustakaan yang bersumberkan data primer dan sekunder. Data primer diperoleh daripada kitab-kitab tafsir, dokumen manual utama berkaitan Konsep Madani terbitan Kementerian Penerangan Malaysia. Data sekunder pula diperoleh daripada sumber jurnal, buku, dan prosiding hasil kertas kerja seminar. Analisis data kajian pula menggunakan metod induktif, deduktif, analisis dokumen, dan analisis tematik.

DAPATAN KAJIAN

Pengajaran daripada ayat-ayat al-Quran menjadi nasihat, panduan, dan peringatan yang bermanfaat untuk kehidupan manusia. Kisah Zulkarnain memberi inspirasi bahawa teladan akhlak pemimpin yang baik berperanan dalam mengangkat martabat manusia ke darjat yang tinggi dan mulia. Sebaliknya, akhlak yang buruk akan membinasakan seseorang insan dan juga umat manusia. Selain itu, sifat tawaduk, syukur, keberanian, dan semangat jihad yang ditunjukkan oleh Iskandar Zulkarnain secara ikhlas *fi sabilillah* dalam memperjuangkan agama Allah demi mencapai keredhaan-Nya (Nor Asma & Muhd, 2016). Beliau sering dikaitkan dengan tokoh Alexander the Great, dan pandangan tersebut mempunyai sandaran dalam kajian ilmiah. Menurut huraian Tafsir al-Maraghi dalam surah al-Kahfi ayat 84-98, kebanyakan ulama dan pakar sejarah menyatakan bahawa Iskandar, anak kepada Raja Philip Al-Rumi pada zaman Yunani-Rom sekitar 356-323 SM, juga merupakan murid kepada ahli falsafah Aristotle. Gelaran Zulqarnain bermaksud 'pemilik dua tanduk'.

Berlaku peperangan di Parsi dan beliau mengembara ke India, Tunis, sehingga sampai ke negara matahari terbenam dan menemui Laut Hitam. Di Mesir, beliau membina kota Alexandria (Iskandariah) di Delta Nil. Kemudian, beliau menuju ke timur Afghanistan sehingga sampai di suatu daerah antara dua gunung, bertemu dengan kaum yang meminta beliau membina tembok bagi memisahkan negara mereka dan bangsa Yakjuj dan Makjuj yang datang dari Asia Tengah, kemudian bertindak kejam dengan melakukan kerosakan, membunuh, dan menyerang mereka. Lalu, tembok dari besi dan tembaga dibina, iaitu lokasi sekitar Turkistan (Ahmad Mustafa Al-Maraghi, 2006)

Kriteria seorang pemimpin atau pemerintah menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas perlu seimbang, iaitu menguasai ilmu pengetahuan, mempunyai kebijaksanaan, bersikap adil, berpihak pada kebenaran, mengakui hak dan kedudukan melalui amal ihsan serta amal kebajikan yang dilakukan secara ikhlas dan konsisten. Sikap tanggungjawab, belas kasihan, jujur, amanah, penyayang, berani, dan tawaduk akan terpancar dalam diri apabila mengamalkan prinsip amal ihsan. Kisah berkaitan Iskandar Zulkarnain telah disebutkan oleh Allah dalam al-Quran, hanya pada surah al-Kahfi sahaja. Asbab turunnya ayat ini, menurut Qatadah, kaum Yahudi telah bertanya kepada baginda Nabi SAW mengenai Zulkarnain, lalu Allah menurunkan ayat:

“Mereka akan bertanya kepadamu (Muhammad) tentang Zulkarnain.

Zulkarnain adalah seorang raja atau pemimpin yang telah diberikan kuasa oleh Allah Taala dan diberikan jalan kepadanya untuk mencapai sesuatu atau menyelesaikan sesuatu. Beliau diberikan kerajaan dan kekuasaan, menguasai wilayah orang lain, serta memperbanyakkan daerah jajahan. Beliau juga diberikan segala sesuatu yang diperlukan untuk mencapai maksudnya, iaitu ilmu, kemampuan, dan kepetahan berbicara (Ibn Kathir, 2004). Kisah beliau yang dirakam dalam surah al-Kahfi berkaitan dengan perjalanan beliau melihat dan memantau rakyatnya. Beliau telah berhenti di tiga tempat.

Hentian pertama, sebagaimana dalam ayat ke 86, iaitu daerah matahari terbenam. Allah SWT berfirman maksudnya, Hentian pertama, sebagaimana yang disebutkan dalam ayat ke-86, ialah daerah matahari terbenam. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sehingga apabila ia sampai ke daerah matahari terbenam, ia mendapatinya terbenam di sebuah matair yang hitam berlumpur, dan ia dapati di sisinya satu kaum (yang kufur ingkar)...”

Hentian kedua, seperti yang disebutkan dalam ayat ke-90, adalah di daerah matahari terbit. Allah SWT berfirman yang bermaksud:


“Sehingga apabila ia sampai di daerah matahari terbit, ia mendapatinya terbit kepada suatu kaum yang kami tidak menjadikan bagi mereka sebarang perlindungan daripadanya.”

Hentian ketiga pula, seperti yang disebutkan dalam ayat ke-93, adalah kawasan yang terletak di antara dua gunung. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sehingga apabila ia sampai di antara dua gunung, ia dapati di sisinya satu kaum yang hampir-hampir mereka tidak dapat memahami perkataan.”

Perhentian-perhentian Iskandar Zulkarnain ini boleh diringkaskan seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1: Perhentian Iskandar Zulkarnain



Sumber: Penulis (2024)

Berikut adalah jadual ringkasan isu-isu yang dihadapi oleh Iskandar Zulkarnain di setiap perhentianya beserta penyelesaian yang diambil oleh beliau:

Jadual 1: Ringkasan Isu Iskandar Zulkarnain

Bil.	Hentian	Pertama (Ayat 86-88)	Kedua (Ayat 90-91)	Ketiga (ayat 93-98)
1.	Isu	Zulkarnain bertemu dengan sekelompok orang yang tidak beriman kepada Allah. Lalu Allah memberi pilihan padanya untuk bunuh atau berdakwah kepada mereka.	Zulkarnain menemui satu kaum yang tiada sebarang perlindungan pada tubuh mereka, samaada perlindungan pakaian mahupun bangunan tempat tinggal. Mereka ini bertelanjang dan hidup di dalam gua saat matahari terpacak. Akan keluar bekerja apabila matahari menghilang.	Zulkarnain berhenti pada perhentian ketiga iaitu diantara dua gunung. Zulkarnain hampir-hampir tidak memahami pertuturan kaum ini. Kaum tersebut mengadu masalah mereka yang diganggu oleh makhluk perosak yakjuj dan makjuj. Lantas mereka meminta Zulkarnain membina tembok untuk menjadi penghalang antara mereka dengan yakjuj dan makjuj dengan diberi bayaran upah kepadanya.

- | | | | | |
|----|--------------|---|--|---|
| 2. | Penyelesaian | Zulkarnain memilih untuk berdakwah kepada mereka. Dengan membicarakan jika kembali kepada Allah, mereka akan perolehi ganjaran pahala. Manakala jika sebaliknya, maka mereka akan diazab dengan azab yang tidak terperi sakitnya. | Mencari solusi untuk membantu kaum ini dari sudut perlindungan tempat tinggal dan pakaian. | Lalu, Zulkarnain bersetuju membina tembok tanpa mengambil sebarang ubah kerana kurniaan yang telah Allah anugerahkan untuk beliau jauh lebih besar. Setelah siap proses pembinaan tembok, Zulkarnain meningkatkan bahawa ia adalah rahmat dari Allah. Dan sekiranya sampai janji Allah, maka tembok itu akan hancur lebur juga. |
|----|--------------|---|--|---|

Sumber: Penulis (2024)

Berdasarkan kisah Iskandar Zulkarnain di atas, pemerintahan Zulkarnain menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang disegani, namun tidak sombong. Malah, dengan semangat jihad, beliau berani memperjuangkan agama Allah, menyebarkan dakwah, dan menghapuskan kekufuran (Nor Asma & Muhd, 2016). Beliau melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan begitu cekap, berintegriti, dan bersifat waqie. Beliau bertindak mengikut kemampuan rakyatnya. Justeru, melalui kepimpinan teladan dari kisah Zulkarnain tersebut, kita dapat mengambil pengajaran yang baik agar *tarbiyyah Quraniyyah* dapat diterapkan dalam aspek kepimpinan kenegaraan dalam konteks Malaysia Madani.

ANALISIS KAJIAN

Analisis berkaitan sifat kepimpinan yang dimiliki oleh Zulkarnain ini dapat dibincangkan dengan merujuk kepada perhentian-perhentian yang telah dilalui olehnya.

Hentian pertama, konsep Malaysia Madani: Kesejahteraan

Pada hentian pertama, ketika beliau bertemu dengan kaum yang tidak beriman kepada Allah, Allah telah memberi pilihan kepadanya sama ada hendak membunuh mereka atau mengajak mereka untuk beriman kepada Allah. Menurut Syed Qutb (2001), pada hentian pertama ini, Zulkarnain telah mengumumkan perlembagaan negara yang baik. Beliau mengumumkan hukuman keseksaan dunia kepada para penceroboh yang zalim dan selepas ini mereka akan diserahkan pula kepada Allah supaya diazabkan dengan azab yang amat dahsyat yang tidak dapat ditandingi dengan mana-mana azab yang diketahui oleh manusia. Adapun mereka yang memilih untuk beriman kepada Allah dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka mereka akan mendapat balasan yang baik, layanan yang saksama, penghormatan, bantuan, dan kemudahan.

Berdasarkan perlembagaan negara yang baik ini, jelas menunjukkan bahawa Zulkarnain adalah seorang pemimpin yang menyayangi rakyatnya. Beliau memilih untuk berdakwah dan mengajak mereka beriman kepada Allah berbanding membunuh mereka. Zulkarnain memiliki sifat pembawa rahmat atau kesejahteraan kepada rakyatnya (Syed Qutb, 2001). Kesejahteraan difahami sebagai suatu kehidupan yang baik dan sering dikaitkan dengan kedudukan kewangan yang stabil, serta rasa selesa dan selamat. Dalam konteks Malaysia Madani, sejahtera sering membawa maksud keseimbangan, atau lebih tepat lagi, kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan (Anwar Ibrahim, 2022). Seorang pemimpin yang diberikan amanah kepimpinan mestilah menerapkan sifat membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara yang dipimpinnnya. Pemimpin tidak boleh bersekongkol dengan idea mahupun gerakan yang mampu membawa kebinasaan, bahkan yang boleh menyebabkan porak peranda kepada yang dipimpinnnya.

Hentian kedua, konsep Malaysia Madani: Daya cipta

Pada hentian kedua pula, Zulkarnain dan tenteranya telah sampai ke kawasan matahari terbit. Di kawasan ini, mereka melihat terdapat kaum atau penduduk yang tiada perlindungan daripada matahari. Ini bermaksud, apabila matahari terbit, mereka akan berlindung di dalam gua, dan hanya apabila matahari terbenam barulah mereka keluar untuk bekerja. Menurut Ibn Kathir, tiada perlindungan di sini bermaksud bahawa penduduk atau kaum yang berada di kawasan ini tidak memakai pakaian dan tidak mempunyai tempat tinggal (Ibn Kathir, 2004).

Menurut Syaari Abd Rahman (2022), para ulama mentafsirkan situasi kaum di hentian kedua ini sebagai golongan yang primitif serta serba kekurangan dari sudut harta dan ilmu. Mereka tidak mempunyai kemampuan, pengetahuan, serta teknologi asas untuk menghasilkan pakaian dan membina kediaman yang berfungsi melindungi mereka daripada sinaran cahaya matahari. Perhentian kedua dalam perjalanan Zulkarnain ini memberi pengajaran bahawa, sekalipun kaum yang hidup di kawasan matahari terbit, yang penuh dengan cahaya, belum tentu bertamadun jika tidak memiliki ilmu. Selain itu, meskipun perhentian pertama memperlihatkan pertemuan Zulkarnain dengan kaum yang maju, belum tentu keseluruhan rakyat di bawah taklukannya semuanya maju. Masih ada lagi rakyat di bawah pimpinannya yang belum mencapai tahap yang sama.

Petunjuk al-Quran memberikan didikan kepada para pemimpin agar mereka tidak selesa berada di kerusi pejabat, tetapi sebaliknya mestilah turun padang, memantau, melihat, dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat mereka. Allah menentukan perhentian kedua Zulkarnain ini di tempat yang belum bertamadun sebagai petunjuk bahawa di dalam kawasan pemerintahan seseorang pemimpin, pasti akan wujud rakyat yang susah dan kekurangan. Dari sudut perbincangan dalam konteks Malaysia Madani, melalui hentian kedua ini dapat dikaitkan dengan elemen daya cipta. Daya cipta merangkumi pembaharuan, reka cipta, dan reka baharu. Rekaan itu sendiri merupakan teras utama daya cipta. Sesuatu perbuatan dapat difahami sebagai tindakan mengubah secara kreatif. Oleh itu, sebagai pemimpin, mereka mestilah kreatif dan inovatif dalam membangunkan rakyat serta keperluan mereka. Pemimpin mestilah membantu mengeluarkan rakyat mereka dari permasalahan yang dihadapi dan memberi petunjuk ke arah kesejahteraan kehidupan.

Hentian ketiga, konsep Malaysia Madani: Keyakinan

Selesai di hentian kedua, Zulkarnain dan tenteranya meneruskan perjalanan ke arah selatan di mana terdapat banyak gunung yang tinggi. Di belakang dua gunung itu, Zulkarnain menemui kaum yang tidak diketahui butir percakapan mereka kerana bahasa mereka aneh, sukar difahami, dan mereka jarang bergaul dengan orang luar. Ucapan mereka hanya dapat difahami dengan adanya penterjemah (Ali al-Sabuni, 1971). Apabila kaum ini mendapati Zulkarnain seorang penakluk yang gagah, berani, serta mempunyai kekuatan, kebolehan, dan kebaikan, mereka menawarkan kepada beliau untuk membina tembok bagi menghalang Yakjuj dan Makjuj yang telah menyerang, melakukan kerosakan, dan bermaharaja lela di tempat mereka. Sedangkan mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menghalang perbuatan Yakjuj dan Makjuj itu. Kaum ini menawarkan upah tertentu atas khidmat bakti Zulkarnain (Syed Qutb, 2001).

Walau bagaimanapun, tawaran upah ini telah ditolak oleh Zulkarnain. Menurut Izham et al. (2023), penolakan tawaran yang dihulurkan oleh kaum ini kepada Zulkarnain untuk membantu mereka membina tembok memperlihatkan bahawa Zulkarnain adalah seorang pemimpin yang mempunyai sifat *qana'ah* dalam dirinya. Selain itu, Zulkarnain berpegang kepada prinsipnya setelah diperkenalkan dengan sistem hidup yang soleh selaku pemerintah, iaitu satu sistem hidup yang menentang kerosakan di bumi. Maka, beliau telah menolak tawaran upah yang diberikan kaum tersebut dan membina tembok itu secara sukarela. Dari sudut perbincangan konteks Malaysia Madani, melalui hentian ketiga ini dapat dikaitkan dengan elemen keyakinan. Kaum yang berada di kawasan ini mendapati Zulkarnain seorang penakluk yang gagah, berani, mempunyai kekuatan, kebolehan, serta kebaikannya tersendiri. Lantaran itu, mereka meminta Zulkarnain untuk membina tembok. Bukan perkara yang mudah bagi seseorang untuk memberi

kepercayaan dan keyakinan kepada orang yang baru dikenali. Tetapi kerana maklumat yang mereka perolehi menunjukkan bahawa Zulkarnain adalah pemimpin yang hebat, maka mereka menyatakan hasrat mereka. Apabila hasrat mereka diterima, ditambah dengan penolakan Zulkarnain terhadap upah yang diberikan, ini semakin menunjukkan bahawa Zulkarnain bukanlah pemimpin yang calang-calang.

Pemimpin mestilah berusaha menunjukkan sikap dan perbuatan yang bertanggungjawab serta amanah dalam melaksanakan tugas mereka. Mereka tidak boleh memandang enteng hal ini kerana keyakinan dan amanah itu mempunyai hubungan yang rapat. Apabila seorang pemimpin menjalankan tugas mereka dengan penuh amanah, ia akan membuahkan keyakinan yang utuh kepada orang yang dipimpin bahawa pemimpin mereka mampu membantu dan menyelesaikan apa sahaja masalah mereka. Apatah lagi jika pemimpin itu menunaikan tugas mereka tanpa mengambil habuan daripada orang yang dipimpin. Cukup sekadar apa yang telah diberikan oleh kerajaan atas khidmat bakti mereka.

Ketiga-tiga hentian, konsep Malaysia Madani: Ihsan

Berdasarkan perbincangan di atas, salah satu konsep Malaysia Madani yang dapat dikaitkan dengan ketiga-tiga hentian ialah ihsan. Ihsan atau berbuat kebaikan merupakan lawan bagi perkataan *isa'ah* atau berbuat keburukan. Perkataan ini juga mengandungi maksud kebaikan, lebih bagus, lebih bermanfaat, lebih indah, dan juga kesenangan (Al-Asqalani, 1997; Wan Ahmad et al., 2022). Perkataan *al-ihsan* juga boleh dimaksudkan sebagai memperbaiki atau menjadikan sesuatu itu baik (Wan Ahmad et al., 2022). Secara umumnya, *al-ihsan* boleh difahami melalui ayat al-Quran dengan makna 'berbuat baik'. Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 36, yang bermaksud:


“Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu ...”

Menurut Wan Ahmad et al. (2022) dan Al-Nawawi (20001), perkataan ihsan dalam al-Quran juga membawa maksud menghindarkan diri daripada perlakuan yang tidak baik. Kehendak di sebalik perkataan ihsan dalam al-Quran dengan lebih terperinci boleh dirujuk melalui hadis Rasulullah SAW ketika ditanya oleh Malaikat Jibril, yang bermaksud:

“Beritahukan kepadaku tentang ihsan.” Nabi SAW menjawab: “Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya. Kalau engkau tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu” (Sahih Muslim).

Zulkarnain, selaku seorang pemimpin, telah melakukan ihsan atau kebaikan kepada kaum yang terdapat di ketiga-tiga hentian. Pada hentian pertama, Zulkarnain memilih untuk berdakwah dan mengajak manusia untuk beriman kepada Allah berbanding memilih untuk melakukan kekerasan dan penderitaan kerana tidak mengikut Allah. Manakala, pada hentian kedua, dengan sifat ihsan sebagai pemimpin, beliau membantu untuk memastikan kaum di bahagian matahari terbit itu mempunyai tempat tinggal dan pakaian bagi melindungi diri mereka. Pada hentian ketiga, atas sifat ihsan, iaitu untuk prihatin dan peduli akan masalah kaum di situ, Zulkarnain berusaha membantu membina sebuah tembok yang menjadi penghalang antara kaum tersebut dengan Yakjuj dan Makjuj. Dalam konteks Malaysia Madani, pemimpin mestilah mempunyai jiwa ihsan. Mereka wajib memiliki sifat peduli dan belas kasihan terhadap orang yang mereka pimpin. Selain itu, dengan adanya jiwa ihsan dalam diri pemimpin, mereka mampu menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, serta berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan dan solusi untuk memastikan permasalahan atau penderitaan yang dilalui oleh orang yang dipimpin dapat diselesaikan dengan baik. Dapat diringkaskan, perbincangan perkaitan setiap hentian dengan sifat pemimpin yang ditinjau dari konteks Malaysia Madani adalah sebagaimana Rajah 2:

Rajah 2: Sifat Pemimpin dari Konteks Malaysia Madani



Sumber: Penulis (2024)

KESIMPULAN

Penerapan elemen *tarbiyyah Quraniyyah* melalui pengajaran ayat-ayat al-Quran dari aspek kepimpinan menjadi nasihat, panduan, dan peringatan yang bermanfaat untuk kehidupan manusia. Kisah Zulkarnain memberi inspirasi bahawa teladan akhlak pemimpin yang baik berperanan dalam mengangkat martabat manusia ke darjat yang tinggi dan mulia. Sehubungan itu, konteks naratif MADANI adalah untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain. Kata kunci visi ini adalah MADANI yang pada asasnya merupakan kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama. Ia mengiktiraf hak setiap warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang untuk hidup dalam persekitaran yang mampan dan menyumbang kepada kesejahteraan bangsa. Ia menyokong usaha-usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya cipta dan kreatif. Ia memupuk sikap saling menghormati sesama rakyat sebagai norma sosial dan budaya untuk memastikan keterangkuman semua. Ia menyuburkan sifat ihsan, peduli, dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat untuk mewujudkan keamanan.

PENGHARGAAN

Penghargaan ini ditujukan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Shah Alam yang telah memberikan penajaan dalam bentuk Geran Penyelidikan Dalam ACIS tahun 2023.

KONFLIK KEPENTINGAN

Artikel ini secara keseluruhan tidak mengandungi konflik kepentingan antara para penulis dengan pihak luar yang terlibat dalam menjayakan penghasilan artikel.

SUMBANGAN PENULIS

Amiratul Munirah Yahaya bertanggungjawab menyediakan abstrak, pengenalan, kajian literatur, memasukkan artikel dalam template yang disediakan. Siti Sarah Izham pula menganalisis dapatan kajian dan perbincangan serta kesimpulan. Mohd Asmadi Yakob membantu dari aspek metodologi kajian manakala Shofiyyah Moidin menguruskan hal berkaitan teknikal artikel

RUJUKAN

- Adenan, F. & Rahman, A. (2021), Keamanan Menurut Al-Quran dan Hubungannya dengan Filantropi
- Ahmad Mustafa Al-Maraghi, A. M (2006), Tafsir Al-Maraghi, Dar al-Fikr.
- Ahmad Syukri, Andre N. F, Siti N (2023), Konsep Tarbiyah, Ta'lim dan Ta'dib dalam Dunia Pendidikan Islam, *Al-Fatih: Jurnal Pendidikan dan Keislaman*.
- Al-Asqalani. (1997). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Aldila, W. P & Candra, N. L. (2023) Hakikat Pendidikan Islam: Tarbiyah, Ta'lim dan Ta'dib, *Journal of Educational Research and Humaniora*, Vol 1, issue 2.
- Ali al-Sabuni, M. (1971). *Safwat al-Tafasir*. Bayrut: Dar al-Quran al-Karim.
- Alif Yahya, A. N. (2020), Integriti dalam Kepimpinan Organisasi di Malaysia Berdasarkan Prinsip-Prinsip Perkembangan Berteraskan Islam, *International Journal of Accounting, Finance and Business*, vol 5, issue 28.
- Al-Nawawi, Muhy Al-Din Al-Nawawi. (2001). *Sahih Muslim bi Syarh Al-Nawawi*. Beirut: Dar Al-Maarifah.
- Anwar Ibrahim. 2022. *Membangun Negara MADANI Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Aziz, N. A. & Rusli, R. (2023). Embracing Islamic Values in Governance: Reflecting the Concept of 'Madani' in the Holy Qur'an. *International Journal of Social Science and Education Research Studies*, 03(07).
- Ibn Kathir. 2004. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyadh: Dar al-Salam Li al-Nasyar wa al-Tawzi.
- Islam, *Journal of Contemporary Islamic Studies*, Volume 7, Issue 1.
- Izham, S. S., Abd Latib, N. A., Rifin, M. K. I., Yahaya, A. M., & Moidin, S. (2023). Nilai Teras Integriti dalam Institusi Kekeluargaan Berpandukan Qasas Al-Quran. *Al-Qanafir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2).
- Mat Sin. N. Z (2014), Definisi Qawa'id al-Tadabbur: Satu Analisis Perbandingan dengan Qawa'id al-Tafsir, *QURANICA International Journal of Quranic*, vol (6), issue (1), Centre of Quranic Research, Universiti Malaya.
- Nor Asma, A. A & Muhd, N. J. (2016). Akhlak Pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab, *Jurnal Melayu*, Vol 15, Issue 1.
- Prosiding Seminar Antarabangsa Sastera, Bahasa dan Budaya Nusantara, Unimep.
- Ridwan, M. (2018) Konsep Tarbiyah, Ta'lim dan Ta'dib dalam Al-Quran, *Jurnal Pendidikan Islam*.
- Sa'id Hawwa. (2010). *Terjemahan Tarbiyatuna al-Ruhiyyah (Pendidikan Spiritual)*, Mutiara Ilmu Selekt Sdn. Bhd.
- Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin (2023), *Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian*,
- Syaari Abd Rahman. 2022. *Di Bawah Teduhan Kisah Zulqarnain a.s. c. 1*. Seri Kembangan: Firdaus Press Sdn Bhd.

Syed Qutb. 2001. *Fi Zilal al-Qur'an*. c. 30. Misr: Dar al-Syuruk.

Wan Ahmad, W. H., Abu Bakar, R., & Ismail, C. Z. (2022), Perbincangan dan Penghayatan Konsep Al-Ihsan dalam Al-Quran serta Muamalah, *Journal of Islamic, Social, Economic and Development (JISED)*, 7(43).

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014), *Pemimpin yang Adil: Rahmah untuk Rakyat, Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.*



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).